

MSM PERKUKUH MOMENTUM PEMULIHAN, PENDAPATAN MELONJAK 22% & KERUGIAN BERSIH BERKURANG 76% BAGI TK2020

KUALA LUMPUR, 25 FEBRUARI 2021 – Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (TK2020) menandakan kemajuan yang positif buat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ke arah pemulihan setelah mencatatkan kerugian selama lapan suku berturut-turut. Ini adalah susulan pengukuhan kos pengeluaran serta jumlah pengeluaran dan premium yang tinggi. MSM mencatatkan peningkatan dalam jumlah keseluruhan pendapatan sebanyak 22%, iaitu RM 630.33 juta pada S4 2020 berbanding RM 516.04 juta pada S4 2019. Secara progresif, syarikat melaporkan Kerugian Bersih (LAT) sebanyak RM 71.23 juta bagi 12M 2020, 76% lebih rendah berbanding RM 299.77 pada tempoh yang sama TK2019. Walaubagaimanapun, syarikat turut merekodkan Keuntungan Bersih (PAT) daripada operasi berterusan sebanyak RM 3.86 juta pada 12M 2020.

Sebahagian daripada LAT tersebut adalah hasil daripada margin keuntungan kasar yang lebih tinggi sebanyak 7% pada tahun yang ditinjau disebabkan kos penapisan dan gula mentah yang lebih rendah. Sementara itu, kos penapisan berkurang sebanyak 3% berbanding tahun sebelum ini berikutan Kadar Penggunaan Kapasiti (UF) dan hasil yang lebih baik, terutamanya di MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor) yang merekodkan peningkatan dalam hasil dari 88% kepada 90%, manakala UF bertambahbaik dari 18% kepada 23%.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM yang baru dilantik, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, "Tindakan rasionalisasi kapasiti syarikat melalui penamatan operasi di MSM Perlis serta penyatuan operasi ke kilang baharu, MSM Johor telah mengurangkan kos penapisan dan menambahbaik penggunaan kapasiti (UF). Inisiatif lanjut telah dilaksanakan bagi mengstabilkan operasi di MSM Johor dengan kelengkapan fasiliti-fasiliti produk baharu. Pertambahan segmen perniagaan bagi pasaran eskport juga telah meluaskan lagi jejak pasaran dan mempelbagaikan aliran pendapatan kami."

Pelaksanaan strategi-strategi utama telah mengukuhkan kedudukan perniagaan syarikat sepanjang tahun di samping memulihkan prestasi kewangan pada setiap suku. Secara



signifikan, syarikat turut mencatatkan PAT sebanyak RM 56.24 juta pada S4 2020 berbanding LAT sebanyak RM 40.28 juta pada S4 2019.

Premium yang tinggi telah meningkatkan jumlah eksport gula bertapis hampir empat kali ganda pada S4 2020 berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Selain itu, jumlah jualan eksport gula bertapis dan produk-produk eksport baharu seperti gula cari, sirap halus dan pra-campuran turut menyumbang kepada peningkatan dalam pendapatan sebanyak lebih RM 100 juta. Walaubagaimanapun, permintaan yang berkurangan dan waktu operasi perniagaan yang terhad disebabkan arahan kawalan pergerakan, telah menjejaskan jumlah jualan domestic sebanyak 9% berbanding suku yang sama tahun lepas. Secara keseluruhan, keuntungan syarikat berterusan terjejas susulan pelarasan rosot nilai berkaitan operasi bukan teras perladangan.

“MSM telah berjaya melaksanakan beberapa strategi utama seperti yang dirancang sepanjang tahun. Penambahbaikan berterusan dalam setiap suku telah menanda aras pemulihan syarikat. MSM akan terus kekal berdaya tahan untuk lebih kompetitif serta memastikan prestasi kewangan yang lebih kukuh ke arah pemulihan syarikat. Strategi perniagaan dan operasi akan terus diperkasakan melalui pengoptimuman pengeluaran, peningkatan pemasaran serta transformasi organisasi sejajar dengan cabaran pasaran dan industry semasa, serta peluang yang ada,” ujar Syed Feizal.

Melangkah ke hadapan, jenama nasional “Gula Prai”, sebagai salah satu pengeluar gula dunia terkemuka, akan mengasah fokus dalam melaksanakan pelan-pelan strategik seperti yang digariskan dalam rangka perniagaan syarikat meliputi pergerakan pemulihan melalui pengoptimuman aset, kekal berdaya tahan dengan aliran tunai yang lebih kukuh di samping membina integrasi menuju prestasi yang mampan.

-TAMAT-



Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2020, MSM mengeluarkan sebanyak 1,010,215 tan gula bertapis, di mana 270,628 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 61% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 401 million setakat 31 Disember 2020. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 137
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Ahmad Izwan Osman
+603 2181 5018 ext. 154
+6017 440 1027
ahmadizwan.o@msmsugar.com